

**Senarai Ahli Jawatankuasa Latihan Industri
Program Sarjana Muda Kejuruteraan (Geomatik)
Sesi 2015/2016**

- | | |
|--|--|
| 1. Sr Haji Mohamad Saupi bin Che Awang | Pengerusi/Penyelaras
07-5530861/012-7012339 |
| 2. Sr Dr. Tan Liat Choon | Pembantu Penyelaras |
| 3. Prof. Madya Sr Kamaludin Haji Mohd Omar | Ahli Jawatankuasa |
| 4. Tuan Haji Shahrudin Mohd Said | |
| 5. Tuan Haji Zainal Abidin Md Som | |
| 6. Sr Dr. Haji Zulkarnaini Mat Amin | |
| 7. Sr Rusli Othman | |
| 8. Sr Ahmad Shahlan Mardi | |
| 9. Encik Usmuni Din | |
| 10. Sr Dr. Khairunizam M. Idris | |
| 11. Sr Dr Ami Hassan bin Mat Din | |
| 12. Sr Dr. Othman Zainon | |
| 13. Sr Dr. Farid Mohd Ariff | |

Ketua Jabatan : Prof Madya Dr Zulkepli bin Majid
Jabatan Geoinformasi
Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah
Universiti Teknologi Malaysia
81310 UTM Johor Bahru

Urusetia : Puan Laily Marina bt Mastan
Unit Akademik
Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah
Universiti Teknologi Malaysia
81310 UTM Johor Bahru
Tel : 07-5530878

HAK CIPTA TERPELIHARA

ISI KANDUNGAN

SENARAI AHLI JAWATAN KUASA	1
SENARAI KANDUNGAN	2
1. PENGENALAN	3
2. PERLAKSANAAN	3-6
Organisasi latihan	
Tempoh Latihan	
Tanggungjawab Pelajar	
Tanggungjawab Penyelia Jabatan	
Tanggungjawab Organisasi Latihan	
Skop Latihan	
3. PENILAIAN LATIHAN INDUSTRI	6-7
3.1 SGHU 3909 Latihan Industri – Amali	
3.2 SGHU 3903 Latihan Industri – Seminar	
4. PENUTUP	7
LAMPIRAN	
LAMPIRAN A: Buku Log	8-12
LAMPIRAN B: Borang Penilaian Prestasi Oleh Penyelia Fakulti	13-16
LAMPIRAN C: Borang Penilaian Prestasi Oleh Syarikat Jurukur Tanah Berlesen	17-24
LAMPIRAN D: Panduan dan Format Laporan Latihan Industri	25-26
LAMPIRAN E : Jadual Gerak Kerja	27

1.0 PENGENALAN

Latihan industri adalah salah satu syarat wajib bagi semua pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Geomatik), Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Geomatik). Mulai sesi pengajian 2005/2006, latihan industri telah diberikan mata nilai (kredit) sebanyak 12. Kod program yang digunakan adalah SGHU3909 dan SGHU3903. Objektif latihan industri adalah :

- i. Melatih pelajar dalam pelbagai aspek profesion ukur tanah dan kejuruteraan geomatik di industri
- ii. Meningkatkan kemahiran amali pelajar dalam kerja-kerja ukur tanah dan kejuruteraan geomatik.

Pengalaman dan kerja-kerja yang terhasil dari latihan ini diharapkan bukan sahaja dapat mempertingkatkan pengetahuan pelajar-pelajar, malah adalah pelengkap yang penting dalam sebarang pengajian atau kursus profesional khususnya kejuruteraan geomatik. Dengan mengikuti latihan industri, para pelajar dapat mengembangkan dan mempertingkatkan kemahiran yang diperlukan di bawah bimbingan dan seliaan ahli profesional dari luar dan dalam universiti. Ini juga dapat memberi maklumbalas secara langsung kepada jabatan dan fakulti dalam mengenalpasti kehendak organisasi dan kelemahan pelajar yang boleh diperbaiki oleh jabatan untuk mengukuhkan lagi kurikulumnya. Disamping itu, pengalaman yang dilalui semasa menjalani latihan industri secara langsung menambah pengalaman dan pendedahan pelajar dalam berbagai aspek termasuk mental, emosi, fizikal dan sosial. Justeru latihan industri boleh memainkan peranan utama sebagai persediaan pelajar mengharungi kerjaya masing-masing.

Latihan Industri ini akan dilaksanakan melalui dua modul iaitu :

- i. SGHU 3909 - Latihan Industri – Amali
- ii. SGHU 3903 - Latihan Industri – Seminar

2.0 PERLAKSANAAN

2.1 Organisasi Latihan

Bagi mencapai objektif latihan industri, pihak jabatan perlu menjalin kerjasama dengan organisasi/agensi yang mempunyai kepakaran, prasarana dan kemudahan untuk melatih pelajar. Kerjasama yang berkesan antara jabatan dan organisasi latihan dapat memastikan matlamat dan objektif latihan industri akan tercapai. Justeru, jabatan telah mengenal pasti Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Pusat-pusat kecemerlangan di Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah (FGHT) dan syarikat-syarikat Jurukur Tanah Berlesen sebagai organisasi

yang dapat memenuhi objektif latihan industri bagi pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan (Geomatik). Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) akan mengendalikan Modul Latihan Industri (Pemetaan) di Ibu Pejabat Kuala Lumpur dan Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah akan kendalikan latihan yang disediakan oleh fakulti sendiri. Syarikat Jurukur Tanah Berlesen pula akan mengendalikan Modul Latihan Industri di syarikat dan pusat-pusat kecemerlangan masing-masing. Seminar akan dikendalikan pihak oleh jabatan Geoinformasi, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru.

2.2 Tempoh Latihan

Pelajar dikehendaki mengikuti latihan industri pada Semester 6. Tempoh minimum latihan industri adalah selama 17 minggu (14 minggu amali dan 3 minggu seminar). Pelajar tidak dibenarkan menanggung latihan industri ke semester terakhir tempoh pengajian mereka. Bagi sesi 2015/2016 ini tempoh latihan industri adalah bermula **14 Februari 2016 hingga 11 Jun 2016**.

2.3 Tanggungjawab Pelajar

Sepanjang tempoh latihan industri, pelajar hendaklah mematuhi semua peraturan berikut :

- a. Pelajar hanya dibenarkan menjalani latihan industri di organisasi/agensi latihan yang telah diperakukan oleh jabatan iaitu JUPEM, Syarikat Jurukur Tanah Berlesen yang terpilih dan Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah.
- b. Menghadiri taklimat/penerangan latihan praktis samada di fakulti atau organisasi latihan
- c. Mematuhi segala peraturan di organisasi latihan
- d. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang ditentukan oleh organisasi
- e. Mematuhi skop latihan yang dikehendaki
- f. Menjaga nama baik Universiti
- g. Memberi kerjasama kepada pihak organisasi sepanjang masa
- h. Menghubungi penyelia/pensyarah latihan dengan segera sekiranya menghadapi sebarang masalah.
- i. Membuat catatan aktiviti yang dilaksanakan di dalam **Buku Log (Lampiran A)**, menulis **Laporan Latihan Industri (Lampiran D)** dan melaksanakan tugas lain sebagaimana yang diarahkan.
- j. Sentiasa bersikap positif serta memberi sumbangan mengikut kemampuan pelajar bagi membuktikan pelajar adalah aset kepada organisasi.
- k. Mendapat dan menghadiri seminar latihan industri yang diadakan di fakulti selepas latihan.

2.4 Tanggungjawab Penyelia Jabatan

Seorang Penyelaras akan dilantik oleh jabatan untuk menyelaras, merancang dan melaksanakan latihan industri. Disamping itu, beberapa orang penyelia yang terdiri daripada pensyarah yang berpengalaman dan kemahiran akan dilantik bagi memastikan syarat latihan yang ditetapkan oleh kurikulum telah dipenuhi. Tanggungjawab penyelia adalah seperti berikut :

- a. Menetapkan jadual lawatan lengkap dengan merujuk kepada Penyelaras Latihan Industri.
- b. Melakukan beberapa lawatan ke organisasi untuk membuat penyelarasan bidang tugas.
- c. Memberi bimbingan, penyeliaan dan membuat penilaian
- d. Mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan pelajar mengikuti segala arahan semasa menjalani latihan industri selaras dengan objektif yang ditetapkan.
- e. Meneliti buku log pelajar pada setiap kali lawatan
- f. Menilai pelajar melalui sesi temuramah
- g. Menjalin hubungan dengan pihak organisasi
- h. Membantu menyelesaikan masalah pelajar.
- i. Menyiapkan **Laporan Penyeliaan (Lampiran B)** dan penilaian yang berkaitan serta saranan untuk memperbaiki program latihan industri akan datang
- j. Menyelia dan menilai pembentangan seminar latihan industri pelajar
- k. Menyemak dan menilai Laporan Latihan Industri pelajar
- l. Menyiapkan markah akhir latihan industri kepada pihak fakulti.

2.5 Tanggungjawab Organisasi Latihan

Adalah menjadi harapan jabatan untuk mendapatkan kerjasama daripada organisasi untuk membolehkan pelajar menjalani latihan industri. Pihak organisasi boleh membantu pihak jabatan dan Universiti amnya dengan :

- a. Melantik pegawai yang berpengalaman sebagai penyelia kepada pelajar
- b. Menentukan kerja pelajar mengikut skop latihan yang dicadangkan oleh jabatan
- c. Memberi sebanyak mungkin pendedahan untuk mendapatkan pengalaman yang sesuai mengikut kemudahan yang ada
- d. Memberi kemudahan fizikal yang munasabah kepada pelajar
- e. Memberi kerjasama untuk menyemak Buku Log pelajar serta memberi komen dan menandatangani
- f. Meminta penyelia membuat laporan pelajar pada akhir tempoh latihan industri berasaskan kepada Borang Penilaian Prestasi (**Lihat lampiran C**) dan mengemukakan laporan itu kepada pihak jabatan sebagai bahan **SULIT**.
- g. Menghubungi pihak fakulti sekiranya terdapat hal-hal berkaitan dengan latihan industri pelajar.

2.6 Skop Latihan

Untuk melahirkan graduan yang pada amnya mempunyai asas yang kukuh dalam semua bidang ilmu yang meliputi profesion ukur tanah, maka latihan yang diberikan kepada pelajar perlulah meliputi kesemua aspek ukur dan pemetaan. Walau bagaimanapun, kandungan dan bentuk latihan adalah tertakluk kepada program yang telah diolah dan dirancang oleh organisasi latihan iaitu JUPEM, Syarikat Jurukur Tanah Berlesen dan FGHT.

Sebagai panduan, jabatan mengharapkan agar pelajar diberi pendedahan, kemahiran dan pengalaman oleh JUPEM dengan melibatkan pelajar dalam sesi latihan berikut :

- a. Mengenalkan dan melibatkan pelajar dengan pelaksanaan dan operasi setiap unit atau seksyen yang terdapat di JUPEM.
- b. Mendedahkan penggunaan perkakasan dan perisian terkini yang digunakan di unit-unit berkaitan di JUPEM.

Manakala Syarikat Jurukur Tanah Berlesen dan pegawai yang terlibat di Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah untuk melibatkan pelajar dalam latihan berikut :-

- a. Mendedahkan pelaksanaan Ukur Kadaster, Ukur Kejuruteraan serta bidang ukur yang lain di padang.
- b. Memberi peluang kepada pelajar melaksanakan pengukuran di padang dan pemprosesan kerja ukur.

3.0 PENILAIAN LATIHAN INDUSTRI

Penilaian dilakukan bagi mengukur prestasi kerja/latihan dan mutu penghasilan pelajar serta menilai perkembangan sahsiah semasa tempoh latihan industri.

Penilaian Latihan Industri dibahagikan kepada dua (2) komponen utama mengikut kod program iaitu SGHU 3909 dan SGHU 3903 :

a. SGHU 3909	Latihan Industri - Amali	
	i. Penyelia Jabatan/Fakulti	40%
	ii. Penyelia Organisasi	40%
	iii. Ujian	20%
	
		100%
b. SGHU 3903	Latihan Industri - Seminar	
	i. Laporan Latihan Industri	40%
	ii. Seminar	40%
	iii. Buku Log	20%
	
		100%

3.1 SGHU3909 – Latihan Industri – Amali

Pelajar akan dinilai oleh Penyelia Jabatan/Fakulti, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan Syarikat Jurukur Tanah Berlesen berdasarkan kepada beberapa aspek kemahiran generik dan kemampuan teknikal (*technical competence*) berikut :

- a. Komunikasi
- b. Kerjasama Kumpulan
- c. Daya Usaha
- d. Tanggungjawab
- e. Kepimpinan
- f. Pengetahuan dan
- g. Hasil Kerja

3.2 SGHU 3903 – Latihan Industri – Seminar

Setiap pelajar perlu menghantar laporan berkumpulan latihan industri mengikut format yang diberikan dalam Lampiran D. Laporan ini mesti diserahkan kepada Penyelaras Latihan Industri **selewat-lewatnya 11 Jun 2015**. Laporan mestilah **ditaip dan dijilid**.

Disamping itu, pelajar dikehendaki membentuk kumpulan untuk memberikan pembentangan dalam bentuk seminar. Sesi pembentangan ini akan diadakan di fakulti dan dihadiri oleh kesemua Penyelia Latihan Industri dan Penyelaras. Penilaian semasa pembentangan adalah berdasarkan kepada :

- a. Kandungan Pembentangan
- b. Penyampaian
- c. Sesi soal jawab

4.0 PENUTUP

Latihan Industri merupakan komponen penting dalam Kursus Sarjana Muda Kejuruteraan (Geomatik) dan juga merupakan peluang untuk pelajar mendapatkan kemahiran melalui kerja sebenar di luar. Justeru ia perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelajar dengan mengikuti secara serius segala latihan, meningkatkan pengalaman dan mendapatkan penjelasan semasa sesi latihan di JUPEM dan Syarikat Jurukur Tanah Berlesen / agensi.



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Fakulti Geoinformasi
dan Harta Tanah

UNIVERSITI PENYELIDIKAN

LAMPIRAN A

BUKU LOG

**JABATAN GEOINFORMASI
FAKULTI GEOINFORMASI DAN HARTA TANAH
81310 UTM JOHOR BAHRU**



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Fakulti Geoinformasi
dan Harta Tanah

UNIVERSITI PENYELIDIKAN

BUKU LOG RASMI LATIHAN INDUSTRI SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (GEOMATIK)

MAKLUMAT PERIBADI

NAMA :

TAHUN PENGAJIAN :

ALAMAT :
.....
.....

POSKOD : NO. TELEFON :

NO. K/PENGENALAN : NO. MATRIK :

MAKLUMAT ORGANISASI I FAKULTI GEOINFORMASI DAN HARTA TANAH

ORGANISASI :

ALAMAT :
.....

POSKOD :

NO. TEL. & SAMB :

NO. TELEFAX :

PEG. PENGAWAS LATIHAN :



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Fakulti Geoinformasi
dan Harta Tanah

UNIVERSITI PENYELIDIKAN

**MAKLUMAT ORGANISASI 2
(SYARIKAT JURUKUR TANAH BERLESEN/AGENSI)**

ORGANISASI :

ALAMAT :

POSKOD :

NO. TEL. & SAMB :

NO. TELEFAX :

PEG. PENGAWAS LATIHAN :

SEKIRANYA BERLAKU KECEMASAN, SILA HUBUNGI :

NAMA :

ALAMAT :

POSKOD :

NO. TELEFON RUMAH :

NO. TELEFON PEJABAT :

ULASAN MINGGUAN

TARIKH

TANDATANGAN PELAJAR

ULASAN PENYELIA

TANDATANGAN PENYELIA

.....

LAMPIRAN B

**BORANG PENILAIAN PRESTASI
OLEH
PENYELIA FAKULTI**



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Fakulti Geoinformasi
dan Harta Tanah

UNIVERSITI PENYELIDIKAN

**BORANG PENILAIAN PRESTASI LATIHAN INDUSTRI
PENYELIA FAKULTI**

Catatan

- i. Borang ini hendaklah diisi oleh Penyelia apabila membuat lawatan ke tempat latihan pelajar
- ii. Isikan maklumat pelajar dan ruang markah yang disediakan
- iii. Sila hantarkan terus borang yang telah lengkap diisi kepada Penyelaras Latihan Industri apabila selesai lawatan.

A. MAKLUMAT PELAJAR DAN TEMPAT LATIHAN

Nama Syarikat/Agensi	
Nama Penyelia Syarikat/Agensi	
Nama Penyelia Fakulti	
Nama Pelajar	
No. Kad Pengenalan	
Sesi	
Tempoh Latihan	
Jumlah Cuti Diambil	

B. PENILAIAN SAHSIAH PELAJAR

Berdasarkan temubual dengan pelajar dan Penyelia Syarikat/Agensi, sila nilaikan pelajar mengikut ciri-ciri yang disenaraikan dan berikan permakahan yang sepadan.

Ciri-Ciri	Markah (30 Markah)
a. Personaliti Perangai dan kesopanan	/3
b. Komunikasi Kebolehan menyampaikan buah fikiran, memberi serta melaksanakan arahan dengan jelas dan teratur	/7
c. Pengetahuan Mengenai Tugas Pengetahuan tentang bidang latihan	/10
d. Mutu Kerja Ketelitian, ketetapan dan kecekapan kerja	/4
e. Daya Usaha Kebolehan bertindak sendiri menjalankan tugas dan menyelesaikan masalah	/3
f. Kreatif Kebolehan mengeluarkan idea dan inovasi dalam mempertingkatkan kerja	/3
JUMLAH	/30

C. BUKU LOG

Penyelia dikehendaki menyemak Buku Log Latihan Industri pelajar dan berikan penilaian berdasarkan kepada kategori yang digariskan.

Kategori	Markah (10 Markah)
Kandungan Buku log sentiasa dikemaskini dan keterangan mengenai latihan/tugasan dijelaskan dengan terperinci	/8
Persembahan Kekemasan dalam penulisan dengan lampiran-lampiran hasil kerja latihan yang berkaitan	/2
JUMLAH	/10

JUMLAH KESELURUHAN (B + C)	/40
-----------------------------------	------------

B. KOMEN

Sila berikan komen saudara mengenai kekuatan dan kelemahan pelajar serta tempat latihan bagi diberi perhatian.

- i. Kekuatan
- ii. Kelemahan
- iii. Tempat Latihan

C. PENGESAHAN

Terima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh saudara dalam penilaian latihan industri pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan (Geomatik). Sila tandatangi borang ini dan serahkannya kepada Penyelaras Latihan Industri, Jabatan Kejuruteraan Geomatik, secepat mungkin bagi tujuan pengurusan.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan/Cop :

.....

Tarikh :

LAMPIRAN C

**BORANG PENILAIAN PRESTASI
OLEH
SYARIKAT JURUKUR TANAH BERLESEN/AGENSI**



**BORANG PENILAIAN PRESTASI LATIHAN INDUSTRI
PENYELIA SYARIKAT JURUKUR TANAH BERLESEN/AGENSI**

Catatan

- i. Borang ini hendaklah diisi oleh Penyelia Syarikat Jurukur Tanah Berlesen yang menyelia pelajar semasa menjalani latihan
- ii. Isikan maklumat pelajar dan ruang markah yang disediakan
- iv. Sila pos atau faks borang yang telah lengkap diisi kepada alamat berikut untuk tindakan selanjutnya.

Penyelaras Latihan Industri
Program Sarjana Muda Kejuruteraan (Geomatik)
Jabatan Geoinformasi
Fakulti Geoinformasi Dan Harta Tanah
Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru
Faks : 07-5530536 / 07-5566163

A. MAKLUMAT PELAJAR DAN TEMPAT LATIHAN

Syarikat Jurukur Tanah Berlesen/Agensi	
Nama Penyelia Syarikat Jurukur Tanah Berlesen/Agensi	
Nama Pelajar	
No. Kad Pengenalan	
Tempoh Latihan	29 Feb 2016 hingga 20 Mei 2016
Jumlah Cuti Diambil	

B. PENILAIAN KEMAMPUAN TEKNIKAL (TECHNICAL COMPETENCE) PELAJAR

Berdasarkan pengalaman Penyelia **Syarikat Jurukur Tanah Berlesen** terhadap pelajar, sila nilaikan pelajar mengikut ciri-ciri yang disenaraikan dan berikan pemarkahan yang sepadan.

Pengetahuan Tahap kedalaman pengetahuan teori dan amali yang berkaitan dengan aspek latihan				
2	4	6	8	10
Tidak Memuaskan				Sangat Memuaskan

Kemampuan Kerja Ketelitian, ketetapan dan kecekapan kerja dalam aspek latihan seperti : - Mencerap, membuku - Menghitung/Memproses Data/Memplot					
0	2	4	6	8	10
Tidak Memuaskan					Sangat Memuaskan

Hasil Kerja + Dokumentasi Kesempurnaan dan kekemasan dalam menghasilkan tugas latihan dan buku log				
2	4	6	8	10
Tidak Memuaskan				Sangat Memuaskan

Jumlah Bahagian B =

/30

C. PENILAIAN KEMAHIRAN GENERIK PELAJAR

Sila buat penilaian terhadap pelajar berdasarkan kemahiran generik

Personaliti Perangai dan kesopanan				
1	2	3	4	5
Tidak Memuaskan				Sangat Memuaskan

Komunikasi Kebolehan menyampaikan idea, memberi serta melaksanakan arahan dengan jelas dan teratur. Pergaulan sesama ahli/rakan kerja dalam melaksanakan tugas				
1	2	3	4	5
Tidak Memuaskan				Sangat Memuaskan

Daya Usaha Kebolehan bertindak sendiri menjalankan tugas dan menyelesaikan masalah				
1	2	3	4	5
Tidak Memuaskan				Sangat Memuaskan

Team Working Sumbangan dan sokongan pelajar dalam kerja berkumpulan				
1	2	3	4	5
Tidak Memuaskan				Sangat Memuaskan

Jumlah Bahagian C = **/20**

Jumlah Markah Keseluruhan (B + C) ialah = **/50***

- Markah mutlak bahagian ini adalah 40%

D. BUTIRAN LATIHAN YANG DIBERIKAN KEPADA PELATIH

Jenis Latihan	Butiran	Sila tandakan (✓) latihan yang diberikan kepada pelajar
UKUR KADASTER/ UKUR HAKMILIK	Pengukuran untuk penyediaan Pelan Akui (PA) untuk pembangunan tanah yang melibatkan tanah pertanian dan/atau bangunan kediaman, komersial, industri, dan sebagainya.	
	(a) Pecah sempadan lot (Seksyen 135 KTN)	
	(b) Pecah bahagian lot (Seksyen 140 KTN)	
	(c) Penyatuan lot (Seksyen 146)	
	(d) Pecah Sempadan dan Tukar Syarat Serentak (Seksyen 124A)	
	(e) Serah Balik dan Kurnia Semula (Seksyen 204A)	
	(f) Pengambilan Balik Tanah (APT1960)	
UKUR HAKMILIK STRATA	Pengukuran untuk penyediaan hakmilik strata (AHS 1985)	
	(a) ukuran pengesahan lot strata	
	(b) ukuran dinding dua tuan	
Latihan Kerjalar Ukur Kadaster dan Strata	i. Menyediakan kawalan CRM untuk menjalankan ukuran kadaster.	
	ii. Demarkasi, tanam pastian atau penggantian tanda sempadan.	
	iii. Penentuan azimut dengan cerapan matahari.	
	iv. Pengukuran semakan petak dan petak tanah	
Latihan Kerja-Kerja Pejabat Ukur Kadaster dan Strata.	i. Pelarasan terabas (pembetulan m dan c)	
	ii. Kiraan cerapan matahari	
	iii. Pelarasan data cerapan kaedah terabas (16 ASCII)	
	iv. Pelarasan data cerapan kaedah GNSS	
	v. Semakan kualiti	
	vi. Penyediaan pelan cadangan strata	

UKUR BUTIRAN DAN KEJURUTERAAN	Pengukuran untuk penyediaan pelan butiran topografi berskala besar dan pelan jajaran laluan.	
	i. ukuran kawalan mendatar dengan kaedah trabas yang mengikut piawai ukur kadaster	
	ii. ukuran kawalan tegak dengan kaedah ukur aras	
	iii. ukuran butiran semula jadi dan butiran buatan manusia	
	iv. ukuran ketinggian titik dan melukis garisan kontur	
	v. Pengambilan butiran dengan kaedah Tekimetri menggunakan alat teodolit/total station	
	vi. Pengambilan butiran dengan kaedah GPS/GNSS	
Latihan Kerjalar Ukur Laluan	vii. Pengukuran bagi cadangan penjajaran laluan/jalanraya	
	viii. Pengukuran bagi cadangan menaiktaraf laluan/jalanraya	
Latihan Kerjalar Penandaan Tapak Bangunan (<i>Setting-out</i>)	ix. Pengukuran setting-out bangunan/infrastruktur	
Latihan Kerjalar Ukur Utiliti Bawah Tanah	x. Pengukuran utiliti bawah tanah	
Latihan Kerja Pejabat Ukur Butiran dan Kejuruteraan	Membuat kerja pemprosesan, penyuntingan dan penghasilan pelan.	
	i. Pemprosesan menggunakan perisian ukur seperti CDS: proses penurunan data, pelarasan data, penjanaan butiran dan kontur, hitungan luas dan isipadu.	
	ii. Penyuntingan dan penghasilan pelan menggunakan perisian CAD seperti AutoCAD atau perisian lain.	
	iii. Pelan butiran	
	iv. Pelan keratan rentas dan memanjang	
	v. Pelan layout atau as-built untuk <i>setting-out</i>	

UKUR HIDROGRAFI	Ukuran untuk penyediaan pelan hidrografi	
Latihan Kerjalar Ukur Hidrografi	i. Perancangan	
	ii. Pengumpulan data	
Latihan Kerja Pejabat Ukur Hidrografi	iii. Pemprosesan data	
	iv. Penghasilan pelan	
LATIHAN-LATIHAN LAIN (Sila Nyatakan)	Termasuk juga yang bukan teknikal seperti pengurusan pejabat, pengurusan akaun, dan seumpamanya.	
	i.	
	ii.	
	iii.	
	iv.	
	v.	
	vi.	
	vii.	
	viii.	
	ix.	

E. PENGESAHAN

Saya mengesahkan segala butiran dan maklumat adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan/Cop :

.....

Tarikh :

Terima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh tuan dalam penilaian latihan industri pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan (Geomatik). Sila tandatangi borang ini dan serahkannya kepada **Penyelaras Latihan Industri, Jabatan Geoinformasi, Universiti Teknologi Malaysia** seperti yang tercatat di hadapan borang ini dengan kadar segera untuk tindakan selanjutnya.

LAMPIRAN D
PANDUAN DAN FORMAT
LAPORAN INDUSTRI

PANDUAN PENULISAN LAPORAN

- i. Laporan perlu ditulis dalam **Bahasa Melayu**
- ii. Isi kandungan laporan adalah seperti berikut :

1.0 Pengenalan

- 1.1 Penghargaan kepada AJK Penyeliaan Latihan Industri di Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah (FGHT)
- 1.2 Penghargaan JUPEM
- 1.3 Penghargaan Kepada Syarikat Jurukur Tanah Berlesen
- 1.4 Penerangan Ringkas Mengenai JUPEM
- 1.5 Penerangan Ringkas mengenai Syarikat Jurukur Tanah Berlesen/Pusat Kecemerlangan FGHT (dimana latihan dibuat)

2.0 Latihan Yang Dijalani

- 2.1 Pengenalan
- 2.2 Projek 1
- 2.3 Projek 2

3.0 Perbincangan dan Kesimpulan

4.0 Rujukan

5.0 Lampiran

- iii. Keseluruhan laporan hendaklah dijilid dengan kertas tebal
- iv. Butir-Butir Laporan
 - a. Gunakan kertas bersaiz A4
 - b. Font : Times New Roman, bersaiz 12
 - c. Gunakan langkau satu setengah baris (1½ spacing)

LAMPIRAN E
JADUAL GERAK KERJA BAGI SESI 2015 2016 SEM 2

MINGGU	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT
1-2	15-26Feb2016	Pemetaan Dan Kadaster	Ibu Pejabat, Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia, KL
3-14	29Feb- 2Mei2016	Kadaster	Sykt Jurukur Tanah Berlesen/ GnG/Agensi
6	20-27Mac2016	Lawatan Penilaian Pertama	Sykt Jurukur Tanah Berlesen/ GnG/Agensi
11	2-9Mei2016	Lawatan Penilaian Pertama	Sykt Jurukur Tanah Berlesen/ GnG/Agensi
15-17	22Mei2016	Taklimat Khas	FGHT, UTM,JB
	24Mei2016	Ceramah Kerjaya Dan Teknologi Terkini	FGHT, UTM,JB
	29Mei2016	Seminar	FGHT, UTM,JB
	30Mei2016	Serahan Laporan	FGHT, UTM,JB
	30Mei2016 (8-10mlm)	Ujian Khas	FGHT, UTM,JB

SELAMAT MENJALANI LATIHAN INDSUTRI

Hakmilik Terpelihara@FGHT